

CBP agih sumbangan kepada 60 pelajar seluruh Melaka

Oleh NILAM NUR ATIKAH OSHMAN 14 Mei 2023 05:41pm Masa membaca: 1 minit



Mohd Ali menyerahkan sumbangan kepada pelajar.

SHAH ALAM - Seramai 60 pelajar dari seluruh Melaka menerima sumbangan wang tunai daripada Co-opbank Pertama (CBP), pada Sabtu.

Pengerusi CBP, Datuk Baharom Embi berkata, selain pelajar, sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), enam masjid termasuk Universiti Melaka (UNIMEL) turut menerima sumbangan berkenaan.

"Sumbangan wang tunai tersebut diharapkan dapat meringankan lagi beban mereka.

"Ia selari dengan prinsip-prinsip koperasi iaitu prihatin terhadap komuniti yang sentiasa di sokong oleh CBP," katanya dalam kenyataan.

Tambah Baharom, program itu turut mendapat kerjasama daripada Koperasi Bela Masyarakat Melaka Berhad (Kobemas) dan juga disokong oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Melaka.

"Kerjasama ini amat memberi makna kepada CBP dan juga penerima kerana mereka ini merupakan anggota-anggota Kobemas. Insya-ALLAH, jika diberi kesempatan lagi, kerjasama ini akan diteruskan di masa-masa akan datang," ujarnya.

Turut hadir, Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali Mohd Rustam dan Pegawai Kewangan Negeri selaku Pengerusi Kobemas, Datuk Salhah Salleh dan Timbalan Pengerusi Eksekutif SKM, Datuk Umar Sarim Saidin.